

**Kerajaan BN Bertekad Membantu Golongan Yang Memerlukan, Kata Najib Bernama**  
**22 Mei, 2012**

KUALA LUMPUR, 22 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak berkata kerajaan mempunyai tanggungjawab moral untuk membantu rakyat Malaysia yang ditimpa kesusahan atau mereka yang memerlukan sedikit bantuan.

Perdana Menteri berkata memenuhi tanggungjawab itu merupakan penanda bagi satu masyarakat yang bertamadun.

Beliau memperjelaskan perkara ini dengan mengimbas kembali pertemuan beliau dengan seorang penganggur, Teoh Yong King, yang rumahnya musnah dalam kebakaran, ketika melakukan lawatan ke Nibong Tebal, Pulau Pinang bulan lepas.

Najib berkata Teoh dan keluarganya terpaksa menumpang di sebuah kuil sejak tiga bulan lepas dan kerana tidak bekerja, dia tidak mampu untuk mencari kediaman baru bagi keluarganya lalu dia mencari bantuan.

"Walaupun pada mulanya usahanya untuk mendapatkan bantuan tidak membuahkan hasil, dia tetap tidak berputus asa dan terus berusaha untuk mencari penyelesaian bagi masalahnya," kata beliau menerusi entri terbaru dalam laman blog [www.1Malaysia.com](http://www.1Malaysia.com).

Perdana Menteri berkata masalah Teoh dibawa kepada perhatian rakan-rakan politik sejawat beliau, yang membina sebuah rumah baru di tapak yang lama, serta membantu menggantikan barangan rumah yang musnah dalam kebakaran.

Najib, yang menggambarkan Teoh sebagai seorang wanita yang istimewa, yang mengharungi pelbagai kesukaran dan kesusahan dengan penuh ketabahan demi menampung kehidupan keluarganya, berkata beliau terharu apabila mendengar kisah wanita itu.

"Semua ini tidak mungkin akan berlaku tanpa kesungguhan dan ketabahan Puan Teoh," katanya.

Najib berkata episod ini hanyalah satu contoh di peringkat daerah bagaimana kerajaan Barisan Nasional (BN) bertekad untuk membantu mereka yang memerlukan.

Di peringkat kebangsaan, kata Najib, kerajaan BN telahpun melancarkan beberapa program untuk membantu keluarga yang berpendapatan rendah seperti Teoh.

Menangani masalah kos sara hidup yang meningkat telah dijadikan satu daripada tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP).

"Pakej bantuan kewangan untuk isi rumah berpendapatan rendah, baucar buku dan bantuan untuk pelajar disediakan bagi orang ramai. Klinik 1Malaysia, kedai serbaneka dan restoran 1Malaysia juga disediakan sebagai alternatif yang lebih murah tanpa menjejaskan kualiti," katanya.

Beliau berkata pelaksanaan gaji minimum dalam masa terdekat kelak akan turut meningkatkan pendapatan lebih 400,000 pekerja.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=667909>